



# ANALISIS KESILAPAN TERJEMAHAN HADIS DAN CADANGAN PENAMBAHBAIKAN: SATU TINJAUAN AWAL

(Analysis of Errors in Translation of Hadith and Suggestions for Improvement: A Preliminary Overview)

**Ahmad Izzuddin Abu Bakar**

*Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia*

## Abstract

*The hadith of the Prophet is the second source of Islam after the Quran. For non-Arabs to understand this source at the initial stage, it needs to be translated. One of them is into the Malay language which is spoken by almost 300 million people in the Southeast Asian region. However, there are concerns about the validity of the translation. This is based on the fact that any error in the meaning of the hadith can lead to a distorted interpretation. This article will review the errors found in translation that are available on the internet. The research method used is a qualitative approach based on text analysis. There are three types of errors that will affect the meaning of the hadith. First: important words are not translated or omitted, thus eliminating the main meaning of the hadith. Second: translations that change most of the meaning of the verse. And third: translations that can trigger various probabilities of situations.*

**Keywords:** *Hadith, Hadith Translation, Translation Error, Hadith Analysis.*

## Article Progress

Received: 17 October 2024  
Revised: 2 November 2024  
Accepted: 11 December 2024

\*Corresponding Author:  
Ahmad Izzuddin Abu Bakar.  
*Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah,  
Universiti Sains Islam  
Malaysia (USIM).*

Email:  
izzuddin@usim.edu.my

## PENDAHULUAN

Hadis Nabawi merupakan sumber kedua selepas al-Quran yang mana ia berperanan besar dalam pentafsiran kitab suci dan pembinaan hukum. Nas al-Quran dan hadis yang tidak terkira jumlahnya telah menjelaskan perkara ini. Begitu juga persepakatan sebulat suara di kalangan sarjana atau apa yang disebutkan di dalam istilah Usul Fekah sebagai ijmak. Malah kedudukan hadis membenarkannya berdiri dengan sendiri apabila mensyariatkan hukum yang tidak dinyatakan di dalam al-Quran. Rasulullah SAW berasal daripada bangsa Arab dan bercakap menggunakan bahasa kaumNya. Oleh yang demikian hadis juga diungkapkan di dalam bahasa tersebut. Allah SWT telah menetapkan bahasa Arab sebagai bahasa wahyu samada wahyu al-Quran atau wahyu hadis. Untuk memahami hadis sekurang-kurangnya secara literal, ia perlu diterjemahkan kepada bahasa bukan penutur bahasa Arab. Salah satunya ke dalam bahasa Melayu yang digunakan oleh hampir tiga ratus juta orang khususnya di rantau Asia Tenggara. Lebih-lebih lagi dewasa ini minat masyarakat terhadap hadis semakin ketara. Fenomena ini dapat dilihat daripada kecenderungan pengguna di media sosial. Selain mengambil dan berkongsi petikan hadis di dalam Bahasa Melayu, mereka memberikan sambutan hangat terhadap hantaran yang terkait dengan ilmu hadis. Secara umumnya keadaan ini adalah perkembangan yang positif dalam usaha memberikan ilmu kepada orang awam. Meskipun begitu, terdapat kelompangan yang melibatkan kesilapan-kesilapan terjemahan yang memerlukan penambahbaikan. Perkara ini sangat mustahak disebabkan sebarang kesilapan boleh menjejaskan makna yang sebenar serta penterjemahan hadis mesti dibuat dengan teliti dan berhati-hati kerana ia adalah teks agama.

## MASALAH KAJIAN

Mutakhir ini aktiviti bacaan hadis, kata-kata Sahabat dan riwayat terus berkembang dan meluas. Bahan-bahan ini diterima masyarakat dan disambut dengan baik. Hal ini dapat difahami dengan kemunculan buku dan artikel di internet sama ada di laman sesawang, blog dan hantaran media sosial. Walaubagaimanapun, wujud kebimbangan tentang kesahihan terjemahan-terjemahan yang dihasilkan. Sesiapa yang menguasai bahasa Arab dan mempunyai pengetahuan ilmu hadis, mereka akan menyedari kesalahan-kesalahan tersebut. Antara kesalahan ini boleh menyebabkan perubahan maksud ayat, perubahan sebahagian besar maksud ayat, perkataan tertentu yang digugurkan, mengurangkan cakupan maksud bagi sesuatu perkataan yang diterjemahkan dan terjemahan menggunakan perkataan yang tidak tepat dan kurang sesuai.

## KEPENTINGAN KAJIAN

Hadis merupakan sumber kedua selepas Al-Quran. Malah ia menjadi penerangan (*al-Bayan*) terhadap sumber yang pertama seperti yang dirakamkan di dalam ayat surah al-Maidah ayat 67 dan surah al-Nahl ayat 44. Sebarang kesilapan terhadap maksud hadis boleh menghasilkan tafsiran yang menyeleweng terhadap agama. Imam Ahmad bin Hanbal sangat berhati-hati untuk meletakkan makna terhadap perkataan-perkataan di dalam hadis. Apabila ditanya tentang perkataan yang Gharib iaitu perkataan yang sukar difahami kerana faktor jarang digunakan atau digunakan pada zaman atau kabilah tertentu, beliau berkata dengan tegas: “Tanyalah ulama-ulama Gharib, sesungguhnya aku benci bercakap tentang sabda Rasulullah SAW dengan sangkaan lalu aku tersilap” (Ibn al-Salah, 2002). Oleh yang demikian kajian tentang fenomena ini perlu dilakukan untuk menerangkan kesilapan yang berlaku dan penambahbaikan yang sepatutnya diambil. Kajian ini juga boleh mencetuskan kesedaran di kalangan masyarakat umum supaya kesilapan yang telah berlaku tidak menular.

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan analisis teks. Analisis akan dijalankan terhadap contoh-contoh yang ditemui daripada sorotan awal terhadap terjemahan-terjemahan di dalam tulisan-tulisan yang dimuatnaik di internet. Ia dipetik daripada media sosial individu atau halaman yang agak terkenal berdasarkan jumlah pengikutnya. Penanda aras terkenal bagi laman sesawang apabila ia berada pada lima muka surat terawal di enjin carian google. Laman sesawang berbahasa Indonesia dimuatkan dalam kajian kerana ia juga dirujuk oleh pengguna di negara ini. Format Takhrij artikel ini hanya menyatakan satu kitab sahaja yang meriwayatkan hadis tersebut dengan pencarian menurut hieraki al-Kutub al-Sittah. Jika tidak ditemui, barulah ia dirujuk di dalam mana-mana kitab yang muhtabar seperti Muwattha’ Imam Malik dan Musnad Imam Ahmad. Hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Imam Muslim di dalam kitab sahih tidak akan dinyatakan status kerana ia hanya meriwayatkan hadis sahih sahaja seperti yang diperakui oleh para sarjana. Selain hadis Bukhari dan Muslim, hanya satu pendapat sahaja yang akan dinyatakan daripada mana-mana muhaddithin atau pentahkik samada klasik atau moden.

## PENTERJEMAHAN HADIS: TAKRIF DAN PENGERTIAN

“Terjemah” merupakan Kata Kerja bahasa Melayu yang bermaksud memindahkan sesuatu bahasa samada tulisan atau percakapan kepada bahasa yang tidak serupa. Perbuatan menterjemah menggambarkan tindakan mengalihbahasakan sesuatu bahasa kepada bahasa lain yang berbeza dengannya (Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2010).

Abdullah Hasan dan Ainon Muhammad telah mentakrifkan istilah “Terjemah” sebagai penyalinan semula ke dalam bahasa sasaran daripada bahasa sumber dalam bentuk persamaan yang terdekat dan bersahaja; pertama daripada segi maknanya dan kedua daripada segi gayanya. Terjemahan yang dihasilkan mestilah mempunyai persamaan terdekat yang sejadi. Persamaan terdekat bermaksud makna yang dihasilkan adalah sama antara bahasa sumber dengan bahasa sasaran dan sejadi pula

bermaksud makna yang dipindahkan mestilah natural dalam bahasa sasarannya (Abdullah Hasan & Ainon Muhammad, 2000).

Sarjana Islam era klasik turut mentakrifkan istilah penterjemahan. Imam al-Nawawi (2008) menyatakan penterjemahan merupakan pengungkapan suatu bahasa dengan bahasa yang lain. Al-Fayyumi (2016) menyebut: menterjemahkan ialah mengungkapkannya dengan bahasa yang bukan bahasa orang yang bercakap. Bagi al-Kafawi ia adalah menukar suatu lafaz dengan lafaz yang lain yang menggantikan tempatnya. Seterusnya Ibnu al-Athir (2017) menjelaskan: menterjemahkan kata-kata ialah memindahkannya daripada suatu bahasa kepada bahasa yang lain.

Perkataan hadis pula menurut muhaddithin merujuk kepada setiap perkara yang disandarkan kepada Nabi SAW samada percakapan, perbuatan, perakuan, sifat fizikal dan sifat akhlak. Perbuatan adalah kelakuan yang dibuat dan percakapan adalah apa yang dipertuturkan. Perakuan pula adalah perkara-perkara yang dilihat atau diketahui oleh Nabi SAW tetapi tidak dibantah. Manakala sifat fizikal seperti bentuk badan dan rupa paras dan sifat akhlak seperti sifat pemurah, berani, pemalu, belas kasihan dan lain-lain (Nūr al-Dīn ʿItr, 1979).

Kesimpulannya, penterjemahan hadis bermaksud memindahkan atau mengalihbahasakan hadis yang berbahasa Arab -kerana Nabi SAW bertutur di dalam bahasa tersebut- kepada bahasa lain tanpa sebarang pengurangan dan penambahan.

Proses ini membabitkan dua bahasa yang mana ia diistilahkan sebagai bahasa sumber dan bahasa sasar. Dalam konteks kajian ini, bahasa sumber ialah bahasa Arab manakala bahasa sasar adalah bahasa Melayu. Untuk menghasilkan terjemahan yang tepat, penterjemah disyaratkan mendalami dan mahir di dalam bahasa Arab, bahasa Melayu, dan ilmu hadis. Para ulama menyatakan terjemahan hadis Nabawi mestilah tidak mengurangkan dan menokok tambah makna asal sesuatu hadis. Jika tidak ia adalah terjemahan yang salah dan tidak menepati maksud sebenar (Khairul Amin Mohd Zain, Mohd Norzi Nasir, 2012).

## **TERJEMAHAN HARFIAH DAN TERJEMAHAN TAFSIRAN**

Terdapat dua jenis terjemahan yang popular dan sering dihasilkan iaitu terjemahan harfiah dan terjemahan Tafsiran. Terjemahan harfiah juga dikenali sebagai terjemahan literal dan terjemahan tafsiran dikenali sebagai terjemahan makna.

Terjemahan harfiah ini bermaksud terjemahan yang dihasilkan dengan cara menterjemah perkataan demi perkataan mengikut gaya, komponen dan susunan teks sumber. Penterjemahan mengikut kaedah ini dibuat dengan memadankan perkataan bahasa sumber dengan perkataan daripada bahasa sasar (Muhammad Firdaus Abdul Manaf et al., 2018).

Kaedah harfiah dalam penterjemahan teks sering mendapat kritikan. Para pengkaji berpendapat penterjemah akan mengikut teks asal dengan tahap yang maksimum. Keadaan ini menyebabkan pengabaian terhadap penggunaan-penggunaan perkataan secara bukan literal seperti metafora dan konteks. Ia juga tidak memberikan perhatian terhadap gaya bahasa yang digunakan samada dapat difahami dengan baik atau tidak oleh pengguna bahasa sasar. Penterjemahan ini seolah-olah hanya mementingkan bentuk atau luaran dan bukannya kandungan dan makna (Abdul Jabbar Said & Wafa' Abu Hathab, 2005).


Terjemahan tafsiran pula merupakan terjemahan yang mengutamakan aspek makna sesuatu frasa. Ia tidak semestinya terikat dengan struktur dan susunan ayat bahasa sumber sepenuhnya. Penterjemahan jenis ini menitikberatkan idea dan kefahaman yang ingin disampaikan oleh penulis asal. Kadang-kadang penterjemah akan menambah huraian untuk memudahkan kefahaman pembaca (Brah Hashani Shashawar & Sa'ad al-Din Mansur Muhammad, 2021).

Penterjemahan berasaskan makna menjadi pilihan di kalangan penterjemah khususnya teks agama kerana ia membantu dalam menyampaikan dengan baik kefahaman ayat-ayat yang sukar difahami. Oleh sebab itu, beberapa penterjemahan al-Quran di Malaysia menerima pakai kaedah ini. Sesetengah ulama mengharamkan penterjemahan harfiah Al-Quran seperti Dr. Muhammad Husain al-Zahabi. Beliau beralasan ia tidak mampu mengutarakan maksud yang dikehendaki (Muhammad Husain al-Zahabi, 2020).

## ANALISIS KESILAPAN DAN CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

Bahagian ini akan menganalisis contoh-contoh kesilapan terjemahan hadis yang terdapat di dalam penulisan di internet samada laman sesawang, blog dan hantaran media sosial. Terlebih dahulu tangkap tangkap layar dimuatkan sebagai bukti serta menyalin semula hadis dan terjemahannya. Selepas itu analisis akan dijalankan untuk melihat kesilapan yang telah berlaku. Seterusnya cadangan terjemahan yang ditambahbaik akan dikemukakan.

### Contoh 1:



**Kempen Semak Hadis Sebelum Sebar**  
23 January 2020 · 🌐

Nasihat Kepada Pemuda yang Tidak Mahu Berkahwin

Oleh: ██████████

Soalan: Bagaimana dengan orang yang merasakan dia boleh hidup tanpa berkahwin. Berkahwin menyusahkan dan mengongkong hidupnya, menimbulkan masalah, tidak boleh balik lewat, dan sebagainya. Dia mengatakan dia boleh berjaya tanpa wanita.

Jawapan:

Bismillah,

Di dalam Islam, perkahwinan merupakan satu tuntutan. Kata Nabi SAW di dalam hadis,

يَا مَعْشَرَ الشَّبَابِ مَنِ اسْتَطَاعَ مِنْكُمُ الْبَاءَةَ فَلْيَتَزَوَّجْ فَإِنَّهُ أَغْضُ لِلْبَصْرِ وَأَخْصَنُ لِلْفَرْجِ وَمَنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَعَلَيْهِ بِالصَّوْمِ فَإِنَّهُ لَهُ وَجَاءٌ

Maksudnya: "Wahai sekalian pemuda, barangsiapa di antara kalian yang sudah memiliki kemampuan maka hendaklah dia menikah, kerana hal tersebut lebih menundukkan pandangan dan lebih memelihara kemaluan. Dan barangsiapa yang belum mampu maka hendaklah dia berpuasa kerana puasa adalah perisai baginya." (riwayat Al-Bukhari no. 5065 dan Muslim no. 1400)

### Hadis Dan Terjemahannya

((يَا مَعْشَرَ الشَّبَابِ مَنِ اسْتَطَاعَ مِنْكُمُ الْبَاءَةَ فَلْيَتَزَوَّجْ فَإِنَّهُ أَغْضُ لِلْبَصْرِ وَأَخْصَنُ لِلْفَرْجِ وَمَنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَعَلَيْهِ بِالصَّوْمِ فَإِنَّهُ لَهُ وَجَاءٌ)).

Wahai sekalian pemuda, barangsiapa di antara kalian yang sudah memiliki kemampuan maka hendaklah dia menikah, kerana hal tersebut lebih menundukkan pandangan dan lebih memelihara kemaluan. Dan barangsiapa yang belum mampu maka hendaklah dia berpuasa kerana puasa adalah perisai baginya (Bukhari: 1806).

### Analisis Kesilapan

Imam al-Nawawi (2016) menyatakan terdapat dua maksud bagi perkataan al-Bā'ah. Pertama makna dari sudut bahasa iaitu jimak. Maka maksud hadis adalah "Sesiapa yang mampu berjimak kerana mampu mengadakan perbelanjaan nikah (Muan al-Nikah) maka berkahwinlah". Dalam kata lain, sesiapa yang mampu berjimak dengan jalan perkahwinan maka berkahwinlah.

Kedua ialah perbelanjaan nikah. Maksud hadis adalah “Sesiapa yang mampu mengadakan perbelanjaan nikah maka hendaklah dia berkahwin”.

Ibnu Hajar al-‘Asqalani (2005) membawa pendapat yang ketiga. Katanya, tiada halangan makna al-Bā’ah lebih umum iaitu kemampuan berjimak dan perbelanjaan perkahwinan sekaligus.

Terjemahan yang tidak tepat bagi hadis di atas ialah “Sesiapa yang mampu, maka berkahwinlah”. Perkataan al-Bā’ah tidak diterjemahkan langsung sedangkan ia adalah kata kunci atau faktor utama bagi seseorang yang digesa untuk berkahwin atau sebaliknya. Walaupun kesilapan ini tidak merombak keseluruhan hadis tetapi ia mengurangkan makna. Sepatutnya, perletakan makna perkataan perlu dibuat sehabis mungkin untuk memberikan maksud yang paling merangkumi.

Pengkaji cenderung memilih terjemahan al-Bā’ah sebagai jimak yakni dengan jalan perkahwinan. Ini disebabkan Nabi SAW bercakap dalam konteks mengawal keinginan syahwat di kalangan para pemuda. Justeru, saranan yang dianjurkan adalah perkahwinan untuk melunaskan naluri manusia secara halal dan mengelakkan zina.

Kata-kata Abdullah bin Mas‘ud sebelum meriwayatkan hadis turut menguatkan makna ini:

عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ يَزِيدَ قَالَ: دَخَلْتُ مَعَ عَلْقَمَةَ وَالْأَسْوَدِ عَلَى عَبْدِ اللَّهِ، فَقَالَ عَبْدُ اللَّهِ: كُنَّا مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ شَبَابًا لَا نَحْدُ شَيْئًا فَقَالَ لَنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: ((يَا مَعْشَرَ الشَّبَابِ، مَنْ اسْتَطَاعَ الْبَاءَةَ فَلْيَتَزَوَّجْ، فَإِنَّهُ أَغْضُ لِلْبَصْرِ وَأَخْصَنُ لِلْفَرْجِ، وَمَنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَعَلَيْهِ بِالصَّوْمِ، فَإِنَّهُ لَهُ وَجَاءٌ)).

Daripada Abdul Rahman bin Yazid, beliau berkata: aku bersama ‘Alqamah dan al-Aswad menemui Abdullah, lalu Abdullah berkata: kami pernah Bersama Nabi SAW semasa muda yang kami tidak mempunyai apa-apa. Baginda bersabda: “Wahai para pemuda, sesiapa yang mampu berjimak kerana mampu perbelanjaan nikah, maka berkahwinlah. Sesungguhnya ia lebih menundukkan pandangan dan memelihara kemaluan. Sesiapa yang tidak mampu, maka hendaklah berpuasa kerana ia menjadi pemotong (syahwat) baginya” (Bukhari: 4779).

Makna ini adalah yang paling sahih menurut Imam al-Nawawi. Beliau berkata: “Yang paling sahih daripada dua pendapat tersebut ialah mengikut makna al-Bā’ah dari sudut bahasa iaitu jimak” (al-Nawawī, 2016).

### Cadangan Penambahbaikan

((يَا مَعْشَرَ الشَّبَابِ مَنْ اسْتَطَاعَ مِنْكُمُ الْبَاءَةَ فَلْيَتَزَوَّجْ فَإِنَّهُ أَغْضُ لِلْبَصْرِ وَأَخْصَنُ لِلْفَرْجِ وَمَنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَعَلَيْهِ بِالصَّوْمِ فَإِنَّهُ لَهُ وَجَاءٌ.))

“Wahai para pemuda, sesiapa yang mampu berjimak (kerana mampu mengadakan perbelanjaan nikah), maka berkahwinlah. Sesungguhnya ia lebih menundukkan pandangan dan memelihara kemaluan. Sesiapa yang tidak mampu, maka hendaklah berpuasa kerana ia menjadi pemotong (syahwat) baginya”.

Selain itu, terjemahan dengan maksud yang kedua juga boleh dilakukan:

“Wahai para pemuda, sesiapa yang mampu perbelanjaan nikah, maka berkahwinlah. Sesungguhnya ia lebih menundukkan pandangan dan memelihara kemaluan. Sesiapa yang tidak mampu, maka hendaklah berpuasa kerana ia menjadi pemotong (syahwat) baginya”.

**Contoh 2:****Hadits Bukhari Nomor 4692**

حَدَّثَنَا أَبُو الْيَمَانِ أَخْبَرَنَا شُعَيْبٌ حَدَّثَنَا أَبُو الرِّئَاحِ عَنْ الْأَعْرَجِ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ خَيْرُ نِسَاءٍ رَكَبْنَ الْإِبِلَ صَالِحٌ نِسَاءٍ قُرَيْشٍ أَحْنَاهُ عَلَى وَلَدٍ فِي صِغَرِهِ وَأَرْعَاهُ عَلَى زَوْجٍ فِي ذَاتِ يَدِهِ

Telah menceritakan kepada kami [Abul Yaman] Telah mengabarkan kepada kami [Syu'aib] Telah menceritakan kepada kami [Abu Zinad] dari [Al A'raj] dari [Abu Hurairah] radliallahu 'anhu, dari Nabi shallallahu 'alaihi wasallam, beliau bersabda: "Sebaik-baik wanita adalah yang dapat mengendarai unta. Sebaik-baik wanita Quraisy adalah yang paling lembut dan simpati pada anak di masa kecilnya, dan paling bisa menjaga harta suaminya."

[Bukhari]

**Hadis Dan Terjemahannya**

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: خَيْرُ نِسَاءٍ رَكَبْنَ الْإِبِلَ صَالِحٌ نِسَاءٍ قُرَيْشٍ، أَحْنَاهُ عَلَى وَلَدٍ فِي صِغَرِهِ، وَأَرْعَاهُ عَلَى زَوْجٍ فِي ذَاتِ يَدِهِ

Daripada Abu Hurairah RA, daripada Nabi SAW, Baginda bersabda: Sebaik-baik perempuan yang menunggang unta (yakni perempuan Arab) adalah sebaik-baik perempuan Quraisy, paling mengasihani anak ketika kecil dan paling menjaga apa yang ada pada tangan suami (yakni harta) (Bukhari: 4794).

**Analisis Kesilapan**

Terjemahan “Sebaik-baik wanita adalah yang dapat mengendarai unta” adalah kesilapan yang besar kerana telah mengubah makna sama sekali. Ayat “Yang menunggang unta” (رَكَبْنَ الْإِبِلَ) adalah Kinayah atau perumpaan yang merujuk kepada perempuan Arab. Ini disebabkan kebiasaannya perempuan Arab menggunakan haiwan tersebut sebagai kenderaan.

Al-Iraqi (2010) berkata: “Padanya melebihkan perempuan Quraisy ke atas selainnya dan sabdaNya “menunggang unta” adalah isyarat kepada Arab kerana merekalah yang biasa menunggang unta, maka Baginda mengungkapkan Arab dengan menunggang unta”. Ibnu al-Muzayyin al-Qurtubi (1996) turut berkata: “Ini adalah melebihkan perempuan Quraisy ke atas perempuan-perempuan Arab kerana kebiasaannya mereka adalah orang yang menunggang unta”. Syihabuddin al-Turibishti (2008) pula berkata: Baginda memaksudkan sebaik-baik perempuan Arab kerana mereka yang menunggang unta”.

Di dalam riwayat yang lain, kata-kata Abu Hurairah selepas meriwayatkan hadis ini iaitu “Dan Maryam binti Imran tidak pernah menunggang unta”, menyokong kefahaman bahawa perbandingan yang dibuat adalah di kalangan wanita Arab sahaja. Ini kerana Maryam mempunyai kelebihan yang banyak tetapi bukan seorang Arab. Ibnu Hajar menegaskan: “Kata-kata Abu Hurairah di akhir hadis “Dan Maryam binti Imran tidak pernah menunggang unta” seolah-olah beliau mahu mengeluarkan Maryam daripada perbandingan ini kerana dia tidak pernah menunggang unta, tidaklah hadis ini melebihkan perempuan Quraisy ke atasnya, tidak syak Maryam mempunyai kelebihan dan dia adalah lebih afdal ke atas semua perempuan Quraisy jika sabit dia adalah Nabi atau dia adalah lebih afdal ke atas kebanyakan mereka jika dia bukan Nabi (Al-Asqalānī, 2005).

Dalam masa yang sama, hadis ini diucapkan oleh Nabi SAW selepas Ummu Hani' binti Abi Talib menolak pinanganNya kerana sibuk menjaga anak dan tidak akan mampu menjaga Kebajikan suami. Baginda SAW menyatakan perkara ini untuk menyenangkan hati dan memandangkan baik apa yang difikirkan oleh Ummu Hani' (Al-Muzhiri, 2012).

### Cadangan Penambahan

((حَيْرُ نِسَاءِ رَبِّئِنِّ الْإِيْلِ صَالِحِ نِسَاءِ قُرَيْشٍ، أحنَاهُ عَلَى وَلَدٍ فِي صِعْرِهِ، وَأَزْعَاهُ عَلَى زَوْجٍ فِي ذَاتِ يَدِهِ)).

“Sebaik-baik perempuan yang menunggang unta (yakni perempuan Arab) adalah sebaik-baik perempuan Quraisy, paling mengasihani anak ketika kecil dan paling menjaga apa yang ada pada tangan suami (yakni harta)”.

### Contoh 3:

HADITS

## Hadits Arbain ke 19

📅 6 April 2024 👤 pandananyar

### Hadits Arbain Ke 19

#### Tentang Minta Tolong dan Berlindung Kepada Allah

عن أبي العباس عبد الله بن عباس رضي الله عنه قال كنت خلف النبي صلى الله عليه وسلم يوماً فقال " يا غلام , إني أعلمك كلمات : احفظ الله يحفظك , احفظ الله تجده تجاهك , إذا سألت فاسأل الله وإذا استعنت فاستعن بالله , واعلم أن الأمة لو اجتمعت على أن ينفعوك بشيء لم ينفعوك إلا بشيء قد كتبه الله لك , وإن اجتمعوا على أن يضروك بشيء لم يضروك إلا بشيء قد كتبه الله عليك , رفعت الأقلام وجفت الصحف " رواه الترمذي وقال : حديث حسن صحيح وفي رواية غير الترمذي : احفظ الله تجده أمامك , تعرف إلى الله في الرخاء يعرفك في الشدة , واعلم أن ما أخطأك لم يكن ليصيبك وما أصابك لم يكن ليخطئك , واعلم أن النصر مع الصبر , وأن الفرج مع الكرب , وأن مع العسر يسراً

Terjemahan

*Dari Abu Al 'Abbas, 'Abdullah bin 'Abbas radhiyallahu anhu, ia berkata : Pada suatu hari saya pernah berada di belakang Nabi Shallallahu 'alaihi wa Sallam, beliau bersabda : "Wahai anak muda, aku akan mengajarkan kepadamu beberapa kalimat : Jagalah Allah, niscaya Dia akan menjaga kamu. Jagalah Allah, niscaya kamu akan mendapati Dia di hadapanmu. Jika kamu minta, mintalah kepada Allah. Jika kamu minta tolong, mintalah tolong juga kepada Allah. Ketahuilah, sekiranya semua umat berkumpul untuk memberikan kepadamu sesuatu keuntungan, maka hal itu tidak akan kamu peroleh selain dari apa yang sudah Allah tetapkan untuk dirimu. Sekiranya mereka pun berkumpul untuk melakukan sesuatu yang membahayakan kamu, niscaya tidak akan membahayakan kamu kecuali apa yang telah Allah tetapkan untuk dirimu. Segenap pena telah diangkat dan lembaran-lembaran telah kering." (HR. Tirmidzi, ia telah berkata : Hadits ini hasan, pada lafazh lain hasan shahih. Dalam riwayat selain Tirmidzi : "Hendaklah kamu*

### Hadis Dan Terjemahannya

عن أبي العباس عبد الله بن عباس رضي الله عنه قال كنت خلف النبي صلى الله عليه وسلم يوماً فقال يا غلام، إني أعلمك كلمات: احفظ الله يحفظك، احفظ الله تجده تجاهك، إذا سألت فاسأل الله وإذا استعنت فاستعن



بالله، واعلم أن الأمة لو اجتمعت على أن ينفعوك بشيء لم ينفعوك إلا بشيء قد كتبه الله لك، وإن اجتمعوا على أن يضروك بشيء لم يضروك إلا بشيء قد كتبه الله عليك، رفعت الأقلام وجفت الصحف. رواه الترمذي وقال: حديث حسن صحيح وفي رواية غير الترمذي: احفظ الله تجده أمامك، تعرف إلى الله في الرخاء يعرفك في الشدة، واعلم أن ما أخطأك لم يكن ليصيبك وما أصابك لك يكن ليخطئك، واعلم أن النصر مع الصبر، وأن الفرج مع الكرب، وأن مع العسر يسراً.

Dari Abu al-‘Abbas, ‘Abdullah bin ‘Abbas RA, ia berkata: Pada suatu hari saya pernah berada di belakang Nabi SAW, beliau bersabda: Wahai anak muda, aku akan mengajarkan kepadamu beberapa kalimat: Jagalah Allah, niscaya Dia akan menjaga kamu. Jagalah Allah, niscaya kamu akan mendapati Dia di hadapanmu. Jika kamu minta, mintalah kepada Allah. Jika kamu minta tolong, mintalah tolong juga kepada Allah. Ketahuilah, sekiranya semua umat berkumpul untuk memberikan kepadamu sesuatu keuntungan, maka hal itu tidak akan kamu peroleh selain dari apa yang sudah Allah tetapkan untuk dirimu. Sekiranya mereka pun berkumpul untuk melakukan sesuatu yang membahayakan kamu, niscaya tidak akan membahayakan kamu kecuali apa yang telah Allah tetapkan untuk dirimu. Segenap pena telah diangkat dan lembaran-lembaran telah kering.

### Analisis Kesilapan

Terjemahan harfiah terhadap hadis yang berbunyi “Pada suatu hari saya pernah berada di belakang Nabi...” mengandungi pelbagai kebarangkalian. Boleh jadi Ibnu Abbas RA berdiri di belakang Nabi SAW, boleh jadi beliau duduk di belakang Baginda SAW di dalam majlis dan boleh jadi Baginda SAW memboncengnya di atas tunggangan.

Riwayat-riwayat lain memberi gambaran yang lebih terperinci di mana ia memperlihatkan sebenarnya beliau digendong oleh Nabi SAW.

أَنَّ ابْنَ عَبَّاسٍ حَدَّثَهُ، قَالَ: كُنْتُ رَدَفَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالَ لِي: يَا غُلَامُ، إِنِّي مُحَدِّثُكَ حَدِيثًا، أَحْفَظِ اللَّهَ يَحْفَظْكَ، أَحْفَظِ اللَّهَ يَجِدْهُ بُجَاهَكَ، إِذَا سَأَلْتَ، فَاسْأَلِ اللَّهَ، وَإِذَا اسْتَعَنْتَ، فَاسْتَعِنْ بِاللَّهِ، فَقَدْ رُفِعَتِ الْأَقْلَامُ، وَجَفَّتِ الْكُتُبُ، فَلَوْ جَاءَتِ الْأُمَّةُ يَنْفَعُونَكَ بِشَيْءٍ لَمْ يَكْتُبْهُ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ لَكَ، لَمَا اسْتَطَاعَتْ، وَلَوْ أَرَادَتْ أَنْ تَضُرَّكَ بِشَيْءٍ لَمْ يَكْتُبْهُ اللَّهُ لَكَ، مَا اسْتَطَاعَتْ.

Sesungguhnya Ibnu Abbas telah meriwayatkan kepadanya (perawi), beliau berkata: aku pernah membonceng di belakang Nabi SAW lalu Baginda bersabda kepadaku: wahai anak kecil, sesungguhnya aku akan memberitahumu suatu percakapan, jagalah Allah, nescaya Dia akan menjagamu, jagalah Allah nescaya engkau akan mendapatinNya di hadapanmu. Apabila kamu meminta pertolongan, mintalah pertolongan dengan Allah. Kalaulah datang umat manusia memberi manfaat kepadamu dengan sesuatu yang Allah Ajjazwajalla tidak menetapkannya untukmu, nescaya mereka tidak akan mampu. Kalaulah mereka mahu memudaratkanmu dengan sesuatu yang Allah tidak menetapkannya untukmu, nescaya mereka tidak akan mampu (Musnad Ahmad: 2763).

Makna ini juga disebut oleh kitab syarah seperti Mirqat al-Mafatih Syarh Mushkat al-Masabih. Pengarangnya Ali al-Qari (Al-Qāri, 2021) berkata: Daripada Ibnu Abbas, beliau berkata: suatu hari aku pernah berada di belakang Rasulullah SAW, maksudnya dibonceng olehNya”.

Oleh yang demikian, terjemahan yang tepat adalah “suatu hari aku pernah dibonceng di belakang Rasulullah SAW”.



## Cadangan Penambahbaikan

Daripada Ibnu Abbas, beliau berkata: suatu hari aku pernah dibonceng di belakang Rasulullah SAW, lalu Baginda bersabda: wahai anak kecil, sesungguhnya aku akan mengajarmu beberapa perkataan, jagalah Allah, nescaya Dia akan menjagamu, jagalah Allah nescaya engkau akan mendapatinNya di hadapanmu. Apabila kamu meminta pertolongan, mintalah pertolongan dengan Allah. Ketahuilah, sekiranya umat manusia berhimpun untuk memberi manfaat kepadamu dengan sesuatu, mereka tidak mampu memberi manfaat dengan sesuatu pun kepadamu melainkan dengan sesuatu yang telah Allah tetapkan untukmu. Dan sekiranya mereka berhimpun untuk memudaratkanmu dengan sesuatu, mereka tidak dapat memudaratkanmu dengan sesuatu melainkan sesuatu yang Allah telah tetapkan ke atasmu. Pena-pena telah pun diangkat dan lembaran-lembaran telah pun kering.

## KESIMPULAN

Berdasarkan analisis yang dibuat terhadap contoh-contoh terjemahan hadis yang ditemui dalam penulisan di internet, wujud kesilapan-kesilapan yang memerlukan pembetulan dan penambahbaikan. Terdapat tiga jenis kesilapan dari sudut ia memberi kesan kepada makna hadis. Pertama: perkataan yang penting tidak diterjemahkan atau digugurkan sehingga menghilangkan sebahagian maksud utama. Kedua: terjemahan yang mengubah sebahagian besar makna ayat. Dan ketiga: terjemahan yang mempunyai pelbagai kebarangkalian situasi. Penulis menyarankan supaya kajian-kajian lanjutan dibuat untuk mengesan kesilapan-kesilapan lain sekaligus membuka perbincangan mengapa masalah ini berlaku dan bagaimana ia boleh diatasi.

## RUJUKAN

- Abdul Jabbar Said, Wafa' Abu Hathab. 2005. *Tarjamah al-Hadith al-Nabawi al-Sharif, Al-Manarah*, 11 (3), 189–218.
- Abdul Rahim bin al-Husain al-Iraqi. (2010). *Tarḥ al-Tathrīb fī Sharḥ al-Taqrīb*, Cet. 2, Jld. 7, Dar Ihya' al-Turath al-Arabi; Beirut.
- Abdullah Hasan, Ainon Muhammad. (2000). *Teori dan Teknik Terjemahan*, Cet. 1, PTS Professional Publishing Sdn. Bhd; Kuala Lumpur.
- Ahmad bin Ali Ibnu Hajar al-Asqalānī. (2005). *Fath al-Bārī Šyārḥ Šaḥīḥ al-Buḥārī* (Cet. 1, Jld. 5). Dar al-Taybah; Kaherah.
- Aḥmad bin Ḥanbal. (2001). *Al-Musnad*, Cet. 1, Bait al-Afkar al-Dauliyyah; Jeddah.
- Ahmad bin Muhammad Al-Fayyumi. (2016). *Al-Misbah al-Munir fī Gharib al-Syarḥ al-Kabir*, Cet. 2, Dar al-Ma'arif. Beirut.
- Ahmad bin Umar Ibnu al-Muzayyin al-Qurtubi. (1996). *Al-Mufhim lima Ushkila min Talkhis Sahih Muslim*, Cet. 1, Jld. 2, Dar Ibnu Kathir; Beirut.
- Al-Ḥusayn ibn Maḥmūd al-Muzhirī. (2012). *Al-Mafātīḥ fī Sharḥ al-Maṣābīḥ* (Cet. 1, Jld. 1). Dar al-Nawadir; Beirut.
- Alī ibn Sulṭān Muḥammad al-Qārī. (2021). *Mirqāt al-Mafātīḥ Sharḥ Mishkāt al-Maṣābīḥ*, Cet. 2, Jld. 1, Dār al-Kutub al-‘Ilmīyah; Beirut.
- Al-Mubarak bin Muhammad Ibn al-Athir. (2017). *Jami' al-Usul Fi Ahadith al-Rasul*, Cet. 1, Jld. 3, Dar al-Fikr; Beirut.
- Bakar, A.I.A., 2021. Peranan Hadis Daif Dalam Menentukan Makna Hadis: Tinjauan Ke Atas Huraian Terpilih Daripada Kitab Syarah: The Role of Weak Hadith in Determining the Meaning of Hadith: A Literature Review on Selected Interpretation from Commentary Books. *Journal Of Hadith Studies*, pp.46-55.
- Bakar, A. and Izzuddin, A., 2023. Pendapat Tabiin Dalam Huraian Hadis: Terminologi, Autoriti Dan Metode. *Journal of Hadith Studies (25501448)*, 8(2).
- Brat Hashani Shashawar, Sa'ad al-Din Mansur Muhammad. (2021). *Anwā' Tarājum Ma'ānī al-Qur'ān wa al-Ḥukm 'Alayhā*, *Journal of Islam in Asian*, 18 (1), 116–136.
- Dewan Bahasa Dan Pustaka. (2010). *Kamus Dewan*, Cet. 1, Dewan Bahasa Dan Pustaka; Kuala Lumpur.

- Fadhlullah bin Hasan Syihabuddin al-Turibishti. (2008). *Al-Muyassar fī Sharḥ Maṣābīḥ al-Sunnah*, Cet. 2, Jld. 3, Maktabah Nizar Mustafa al-Baz; Kaherah.
- ‘Uṭhmān bin ‘Abd al-Raḥman Ibn al-Ṣalaḥ. (2002). *Ma‘rifat Anwa‘ ‘Ulūm al-Ḥadīth*, Cet. 1, Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah; Beirut.
- Khairul Amin Mohd Zain, Mohd Norzi Nasir. (2012). Konsep dan Syarat Terjemahan Hadith. *Journal Hadis*, 3, 55–70.
- Muḥammad bin Ismā‘īl al-Bukhari. (2001). *Al-Jāmi‘ al-Musnad al-Ṣaḥīḥ al-Muḥtaṣar Min Umūr Rasūlillāh SAW wa Sunaniḥi wa Ayyāmīhi*, Cet. 1, Bait al-Afkar al-Dauliyyah; Jeddah.
- Muhammad Firdaus Abdul Manaf, Md. Noor Hussin, Adnan Mat Ali. (2018). Hukum Penterjemahan Arab Melayu Dalam al-Quran. *Proceeding of The International Conference on Contemporary Issues in al-Quran and Hadith 2018 (THIQAḤ 2018)*, 353–362.
- Muhammad Husain al-Zahabi. (2020). *Al-Tafsir wa al-Mufasssirun*, Cet. 3, Jld. 1, Maktabah Wahbah; Kaherah.
- Nūr al-Dīn ‘Itr al-Ḥusnī. (1979). *Manhaj al-Naqd Fī ‘Ulūm al-Ḥadīth*, Cet. 2, Dār al-Fikr; Beirut.
- Yaḥyā ibn Sharaf al-Nawawī. (2008). *Tahzib al-Asma‘ wa al-Lughat*, Cet. 1, Jld. 2, Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah; Beirut.
- Yaḥyā ibn Sharaf al-Nawawī. (2016). *al-Minhāj fī Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim ibn al-Ḥajjāj*, Cet. 3, Jld. 12, Dār al-Ṣiddīq; Kaherah.